

Bincang pelaksanaan Majlis Ilmu 2018



Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali ketika mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018, kelmarin. Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Abdul Mokti dan Yang Berhormat Pehin Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Okt - Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 telah diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini.

Mesyuarat susulan bagi memantau perkembangan persiapan serta perkembangan terkini bagi memastikan pelaksanaan majlis itu berjalan lancar dan teratur telah dipengerusikan oleh Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali bin Haji Apong.

Hadir sama ialah Pengurus-pengurus Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018, Menteri di JPM, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah; Menteri Tenaga, Tenaga Manusia dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di JPM, Datin Seri Paduka Hajah Elinda binti C.A. Mohamed; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Dato Seri Paduka Awang Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Pemangku Menteri

Pendidikan, Datin Seri Paduka Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh; Timbalan Menteri Tenaga, Tenaga Manusia dan Perindustrian, Dato Seri Paduka Haji Matsatejo bin Sokiaw serta timbalan-timbalan pengerusi bersama jawatankuasa majlis.

Mesyuarat telah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Selamat dan ucap an alu-aluan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali sebelum taklimat laporan daripada pengerusi bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2018 berhubung perkembangan terkini dan persiapan yang telah dirancang bagi memeriahkan majlis yang akan diadakan nanti.

Majlis Ilmu 2018 yang akan berlangsung dari 27 sehingga 29 November ini akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan tema 'Sektor Pertanian: Survivability Bangsa dan Negara'.

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Okt - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA), hari ini telah mengadakan Program Kolaborasi bersama Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Darussalam (UNIDA) Gontor, Indonesia yang diadakan di auditorium universiti berkenaan di Gadong.

Program berbentuk ilmiah itu yang dihadiri seramai 30 orang pelajar UNISSA turut menyaksikan pertandingan membaca buku Bahasa Arab diikuti dengan program eksplorasi.

Acara itu turut menyaksikan majlis penandatanganan Memorandum Perjanjian antara Fakulti Bahasa Arab, UNISSA dengan Fakultas Tarbiyah, UNIDA, yang ditandatangani oleh Dekan FBA, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad bagi pihak UNISSA dan Dekan Fakultas Tarbiyah, Dr Imam Bahroni bagi pihak UNIDA.

Hadir menyaksikan majlis

penandatanganan berkenaan iaitu Pemangku Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah penghargaan kepada para pemenang pertandingan.


Sebelum majlis dimulakan, Dr Siti Sara selaku pengurus majlis dalam ucapan alu-aluannya berharap dengan termeterainya perjanjian itu akan dapat menjalinkan lagi hubungan kerjasama yang boleh diterokai oleh kedua-dua belah pihak.

Katanya lagi, UNISSA dan UNIDA Gontor akan berusaha untuk saling bantu-membantu dan menyokong antara satu sama lain khususnya melalui kegiatan pembangunan kemahiran bahasa seperti Kem Bahasa Arab yang dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Arab pelajar di kedua-dua universiti berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai utama UNISSA dan para pelajar FBA.



Dr Arman semasa menyaksikan majlis penandatanganan memorandum perjanjian antara UNISSA dan UNIDA yang berlangsung di Gadong, kelmarin.



Haji Hairul Mohd Daud semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Pos Sedunia 2018 yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, kelmarin.

Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Okt - Bersempena Sambutan Hari Pos Sedunia 2018, Jabatan

Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan telah mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yasin, Tahfiz dan Doa Selamat yang

diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pemangku Ketua Pos

UNISSA, UNIDA meterai perjanjian

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Okt - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA), hari ini telah mengadakan Program Kolaborasi bersama Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Darussalam (UNIDA) Gontor, Indonesia yang diadakan di auditorium universiti berkenaan di Gadong.

Program berbentuk ilmiah itu yang dihadiri seramai 30 orang pelajar UNISSA turut menyaksikan pertandingan membaca buku Bahasa Arab diikuti dengan program eksplorasi.

Acara itu turut menyaksikan majlis penandatanganan Memorandum Perjanjian antara Fakulti Bahasa Arab, UNISSA dengan Fakultas Tarbiyah, UNIDA, yang ditandatangani oleh Dekan FBA, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad bagi pihak UNISSA dan Dekan Fakultas Tarbiyah, Dr Imam Bahroni bagi pihak UNIDA.

Hadir menyaksikan majlis

penandatanganan berkenaan iaitu Pemangku Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah penghargaan kepada para pemenang pertandingan.

Sebelum majlis dimulakan, Dr Siti Sara selaku pengurus majlis dalam ucapan alu-aluannya berharap dengan termeterainya perjanjian itu akan dapat menjalinkan lagi hubungan kerjasama yang boleh diterokai oleh kedua-dua belah pihak.

Katanya lagi, UNISSA dan UNIDA Gontor akan berusaha untuk saling bantu-membantu dan menyokong antara satu sama lain khususnya melalui kegiatan pembangunan kemahiran bahasa seperti Kem Bahasa Arab yang dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Arab pelajar di kedua-dua universiti berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai utama UNISSA dan para pelajar FBA.

Rai Hari Pos Sedunia

Agung, Jabatan Perkhidmatan Pos, Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis itu adalah sebagai salah satu aktiviti bagi memperingati Hari Pos Sedunia yang jatuh pada setiap 9 Oktober dan disambut oleh pentadbiran-pentadbiran pos di seluruh dunia.

Tahun ini, tema sambutan ialah 'Inovasi, Integrasi dan Rangkuman' yang melambangkan inovasi Jabatan Perkhidmatan Pos untuk kekal relevan dalam landskap ko-

munikasi yang berubah-ubah serta menunjukkan integrasi pengetahuan dan proses bagi membolehkan perkhidmatan berjalan lancar dan mampu dimiliki oleh semua.

Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Kesukuran turut diadakan khusus bagi mendoakan kesejahteraan pegawai dan kaktangan dalam usaha memberikan perkhidmatan yang berterusan kepada orang ramai di negara ini.

Perasmian Sambutan Hari Pos Sedunia bagi negara ini akan diadakan pada 13 Oktober ini di Pusat Memproses Mel dan Bungkus, Lapangan Terbang Lama, Berakas.